



HAMZAH (empat dari kiri) ketika hadir perhimpunan bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Maktab Koperasi Malaysia.

Ajar peniaga beri alasan GST

■ KPDNKK papar nama premis dalam iklan

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan mengiklankan nama premis yang dikesan melakukan kesalahan sama menaikkan harga barang menggunakan alasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Menterinya Datuk Hamzah Zainudin berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan sikap peniaga degil itu yang sengaja mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan GST berkuatkuasa 1 April lalu.

“Sepatutnya tidak timbul lagi peniaga menggunakan alasan GST untuk menaikkan harga dan ia bukan salah penguatkuasaan tetapi sikap peniaga yang mahu menipu pengguna.

“Sebelum ini, ada syarikat dibawa ke mahkamah dan jika kali kedua dikesan, kita keluarkan senarai. GST bukan penyebab tetapi mereka sebenarnya mahu mencari untung.

“Kita minta orang ramai melaporkan kepada kementerian bagi membolehkan tindakan diambil,” katanya selepas menghadiri perhimpunan di Maktab Koperasi Malaysia (MKM), di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah MKM Prof Madya Dr

Abdul Rahman Abdul Razak Shaik.

Sementara itu, Hamzah berkata kementerian juga bercadang mempercepatkan Kempen Beli Barang Buatan Malaysia yang sepatutnya dijadualkan Oktober depan.

Beliau berkata, langkah itu bagi menggerakkan usaha kerajaan khususnya dalam menangani kesan kejatuhan nilai Ringgit baru-baru ini.

Bagaimanapun katanya, kerajaan memastikan kualiti produk terbabit mencapai standard.

“Walaupun kita mahu berkempen, namun perlu dipastikan kualiti produk mencapai standard ditetapkan,” katanya.